

KERATAN AKHBAR

JUDUL : *Becita Harian*

TARIKH : *Sabtu, 29 September 2012*

M/S : 81

Bunyinya macam mustahil, namun ia tetap direalisasikan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) sebagai satu daripada kelebihan Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra miliknya di Kampus Alam, Pauh Putra.

Pustakawan Kanan Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, Mazmin Mat Akhir, berkata Zon Bising sengaja diwujudkan sebagai satu daripada kemudahan yang disediakan UniMAP kepada pelajar-jarynya.

"Zon ini sesuai untuk tujuan perbincangan dan pembelajaran secara kolaboratif. Malah, ia turut direka hias dengan secara unik berkonsepkan kombinasi kabin kapal terbang dan lapangan terbang untuk mewujudkan suasana lebih kondusif kepada pelajar ketika menggunakannya," katanya.

Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra dimasyhurkan dengan nama Raja Muda Perlis sebagai Canselor UniMAP pada 2 September lalu dengan kelebihan penggunaan perkhidmatan 'Online Computer Library Centre' atau OCLC Worldcat.

UniMAP adalah universiti pertama di negara ini menggunakan perkhidmatan itu, sekali gus mem-

Perpustakaan mesra pelajar



Aras bawah **berkonsepkan lautan biru.**

[FOTO EZAIRI SHAMSUDIN/ BH]

bolehkan pensyarah dan pelajar-mya mengakses pelbagai pangkalan data, artikel dan teks untuk tujuan rujukan dari seluruh dunia.

Mazmin berkata OCLC WorldCat beroperasi sebagai enjin carian tung-

gal yang menyediakan cara paling mudah dan sistematik untuk mencari maklumat yang relevan selain dianggap mesra pengguna.

"Melalui satu platform tunggal, pengguna boleh melakukan carian



"**Zon ini sesuai untuk tujuan perbincangan dan pembelajaran secara kolaboratif. Malah, ia turut direka hias dengan secara unik**"

Mazmin Mat Akhir,
Pustakawan Kanan Perpustakaan
Tuanku Syed Faizuddin Putra

maklumat merentasi semua pangkalan data yang dilanggan dan sumber akses juga terbuka termasuk repositori yang dipilih di seluruh dunia. Paling penting, OCLC Worldcat mampu menyerlahkan koleksi perpustakaan secara global," katanya.

"Perpustakaan tiga aras ini mempunyai tiga konsep berbeza iaitu lautan tema biru di aras bawah manakala konsep taman dan angkasa di aras satu dan dua. Reka bentuk binaan juga berkonsep mesra pelajar yang mana mereka boleh memilih suasana bersesuaian untuk mengurangkan tekanan.

"Kelainan juga diwujudkan di aras satu perpustakaan ini dengan mengenakan konsep taman dengan hiasan berwarna-warni, sekali gus mewujudkan keadaan persekitaran seperti di dalam pusat membeli belah. Ia bertujuan menggalakkan keinginan untuk meneroka ilmu," katanya.

Bersesuaian dengan konsep perpustakaan sebagai ruang pertemuan pengguna, Pejabat Naib Canselor juga dibangunkan di Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra. Semenjak dibuka pada 7 Februari 2012, Naib Canselor UniMAP telah menemui ramai sarjana antarabangsa di perpustakaan.